



KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN SUBSIDI UJIAN SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING DI SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR DAN LABUAN, NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG DAN SABAH

1. Kerajaan, melalui Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 20 November 2020, telah memutuskan semua pekerja asing yang bekerja di Selangor, W.P Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah wajib menjalani ujian saringan COVID-19.
2. Sehubungan itu, semua pekerja asing yang merupakan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan bekerja di negeri-negeri berkenaan layak menjalani **ujian saringan COVID-19 secara subsidi di bawah Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO**. Tarikh kuat kuasa saringan akan diumumkan oleh MKN dalam masa terdekat.
3. Ujian saringan yang menggunakan **kaedah RTK Antigen ini**, perlu dijalankan di klinik atau hospital yang telah berdaftar sebagai **Klinik Panel Program Saringan Kesihatan PERKESO (HSP)**. Direktori klinik panel boleh dirujuk di **Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>)**.
4. Kos saringan hendaklah dibayar oleh majikan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan subsidi PSP PERKESO daripada PERKESO. PERKESO akan membuat bayaran subsidi sehingga **RM60.00** bagi setiap ujian saringan COVID-19 yang dijalankan. Bayaran ini hanya dibuat **sekali sahaja untuk setiap pekerja**.

5. Di samping itu, majikan perlu mengambil langkah proaktif dalam **mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)** yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mencegah penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja mereka.
6. Maklumat lanjut berkenaan program ini akan dikemaskinikan di Portal PSP PERKESO (<https://psp.perkeso.gov.my>). Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada PERKESO melalui emel **hsp@perkeso.gov.my** atau talian hotline 1-300-22-8000 atau 03-4264 5089.

**YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
25 NOVEMBER 2020**